

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
(KUALA LANGAT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menaikkan pampasan kematian dari RM2,500.00 kepada RM30,000.00 kepada waris pencarum KWSP sepertimana yang diamalkan sebelum ini.

JAWAPAN

Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah simpanan wajib ahli yang dicarumkan oleh majikan dan pekerja setiap bulan bagi tujuan persaraan. Simpanan ini bertambah dengan dividen yang diisytiharkan setiap tahun. Apabila ahli disahkan meninggal dunia,

kesemua simpanan ahli akan dibayar kepada penama/waris terdekat ahli. Selain itu, KWSP juga memberi bayaran tambahan iaitu Bantuan Kematian sebanyak RM2,500 (Jadual Kelima) kepada waris ahli yang meninggal dunia, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

2. Bantuan Kematian ini adalah merupakan tanda simpati KWSP yang diberikan kepada waris ahli apabila kematian si mati. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan waris / orang tanggungan ketika berlaku kematian seperti mengurus pengkebumian dan sebagainya. Ia bukan untuk membiayai keperluan hidup waris/orang tanggungan ahli yang meninggal dunia. Bayaran bantuan ini bukanlah sebahagian daripada simpanan ahli, tetapi merupakan wang yang di ambil daripada pulangan (hasil) pelaburan simpanan kesemua ahli.

3. Jumlah bantuan ini adalah berpatutan kerana simpanan KWSP merupakan simpanan persaraan individu dan sebarang peningkatan dalam jumlah bayaran Bantuan Kematian akan menjejaskan bayaran dividen kepada semua ahli KWSP yang lain. Ini adalah kerana Bantuan Kematian menggunakan sebahagian daripada hasil pelaburan KWSP yang

sepatutnya diagihkan sebagai dividen kepada semua ahli KWSP. Tambahan pula, Skim KWSP adalah skim yang berasaskan simpanan individu dan bukannya sosial insurans yang mengamalkan konsep perkongsian risiko (*pooling of risks*).